

Tuah **becok** Edriana



SELESA...Ed masih mengasah kemahiran sebagai penyampai radio.

MINAT...Ed semakin mencintai kerjaya penyampai radio.

>>Oleh ISMA ISMAIL
isma@hmetro.com.my

TUAH 'banyak mulut' membuka peluang kepada gadis ini menceburkan diri dalam bidang penyiaran sebagai penyampai radio, walaupun pada hakikatnya dia tidak pernah mengimpikannya.

Walaupun bertugas di stesen radio tidak popular dan kurang dikenali berbanding penyampai radio lain, Nur Edriana Jaafar, 22, tetap menganggap tugasnya mempunyai cabaran tersendiri.

Gadis manis yang lebih dikenali dengan panggilan Ed mengakui mungkin Putra FM yang bersiaran pada frekuensi FM90.7 di kawasan Serdang, Selangor dan sekitarnya tidak mempunyai bilangan pendengar ramai dan lebih

mensasarkan penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM).

Baginya, jumlah pendengar tidak menjadi halangan kepadanya kerana bukan populariti dikejar tetapi stesen radio berkenaan menjadi landasan kepadanya untuk mengembangkan kerjaya.

"Sebenarnya menjadi kebetulan saya menceburkan diri sebagai penyampai radio kerana ia bukan cita-cita asal saya. Jiran saya yang kebetulan bertugas di UPM menawarkan saya untuk hadir temuduga sebagai penyampai radio, mungkin kerana dia lihat saya banyak mulut dan kerjaya itu sesuai dengan saya.

"Tanpa diduga, saya diterima menjadi penyampai radio dan bermula dari waktu itu saya mula mencintai kerjaya

Profil

NAMA: Nur Edriana Jaafar

UMUR: 22 tahun

ASAL: Kuala Lumpur

TEMPAT TINGGAL: Balakong, Selangor

PENDIDIKAN: Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

STATUS: Bujang

KELUARGA: Anak kedua daripada tiga beradik

KERJAYA: Penyampai radio Putra FM

PROGRAM KENDALIAN: Menu Putra, Malaysiana, Bersama HEP

ini dan semakin berminat mengembangkannya," katanya yang hampir setahun setengah bergelar sebagai penyampai radio di Putra FM.

Mengendalikan program Menu Putra, Malaysiana, Bersama HEP dan Sampaikan Putra, Ed berkata, pada peringkat awal dia banyak

belajar daripada rakan senior, terutama cara mengendalikan alat di konti dan juga kemahiran sebagai penyampai.

Katanya, pada peringkat awal dia kekok juga tetapi lama kelamaan dia semakin biasa dan seronok dengan kerjaya itu

"Saya sungguh seronok kerana selain mengendalikan program siaran dengan memberi info atau maklumat mengikut kesesuaian stesen dan kumpulan sasarnya, saya dapat berkongsi pendapat dengan pendengar yang menghubungi.

"Dari situ saya mendengar pelbagai cerita daripada pengalaman dan ragam mereka, sekali gus ia dapat juga membantu saya mengendalikan program secara langsung," katanya.

Menurut Ed, dia masih dalam proses pembelajaran untuk menjadi penyampai yang baik kerana baginya pengalaman mampu menjadi guru terbaik kepadanya dalam mengembangkan kemahiran, terutama berinteraksi bersama pendengar

Jelasnya, dia tidak ada individu tertentu yang menjadi idola atau panduan kepadanya bagi bergelar penyampai radio, tetapi lebih menjurus mengasah bakatnya kerana mahu membentuk dirinya dengan cara tersendiri.

"Yang penting, kita perlu terus belajar dan tidak cepat berpuas hati dengan pencapaian, bagi saya cara itu akan lebih memantapkan kita," katanya.

Baginya, berpegang kepada prinsip sentiasa relaks, peka dan berhati-hati sepanjang bersiaran di konti mampu membantunya mengendalikan program dengan jaya, sekali gus mampu menghiburkan pendengar yang banyak memberi sokongan kepadanya untuk terus mencintai bidang itu